

# Warga KSA Gotong-Royong Bersihkan Masjid Al-Hidayah

Oleh Nur Fatin Syakila Baddu

Kota Kinabalu, 10 Mei – Warga Kolej Kediaman Sri Angkasa (KSA) bekerjasama membersihkan masjid Al-Hidayah yang bertempat di Sri Angkasa Apartment Awam, Ahad lepas.

Menurut Syifaa' Farhana Lauddin, 21, selaku timbalan presiden aktiviti menyatakan bahawa aktiviti tersebut merupakan anjuran Kelab Alam Sekitar kolej KSA.

Bertanya mengenai idea awal aktiviti tersebut, Syifaa berkata, "Idea awal ini disuarakan oleh presiden Kelab Alam Sekitar sendiri iaitu saudara Habibi Mustamin,"

"Sebenarnya, gotong-royong ini hendak dilakukan di Masjid Kampung Rampayan, Menggatal. Walau bagaimanapun, atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, aktiviti gotong-royong akhirnya dijalankan di Masjid Al-Hidayah, Angkasa Apartment," kata beliau semasa ditemui di bangunan K, KSA.

Beliau juga memberitahu bahawa gotong-royong ini melibatkan 38 orang pelajar dari Kelab Alam Sekitar, Kelab Silat, Kelab Surau dan Kelab Penyayang.

Dalam mengetahui matlamat aktiviti, Syifaa' turut menyatakan salah satu aktiviti ini adalah berkeutamaan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim di antara warga KSA.

"Matlamat utama aktiviti sebegini dijalankan adalah untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dalam kalangan ahli kelab dan warga Angkasa yang lain. Selain itu, ia juga untuk meringankan beban orang ramai yang sering

berada di masjid tersebut dengan cara membersihkan masjid," katanya.

"Aktiviti ini juga bertujuan untuk melengkapkan takwim aktiviti Kelab Alam Sekitar dengan aktiviti-aktiviti terbaru bagi sesi 2015 semester 2," Syifaa' tambah.

Menurut Syifaa', program tersebut mendapat sambutan yang sangat baik daripada warga KSA sepanjang aktiviti tersebut dijalankan.

"Saya ada bertanya dengan peserta yang mengikuti aktiviti ini. Sememangnya mereka semua sangat berpuas hati dan terhibur kerana pada awal aktiviti dijalankan, para peserta dapat mengikuti aktiviti senaman zumba di mana pelatih tersebut merupakan jemputan dari luar dan kelab *fitness* itu sendiri," tambahnya.

Syifaa' berharap agar nilai-nilai murni dapat dibentuk oleh mahasiswa menerusi aktiviti ini.

"Saya berharap agar peserta dapat menanam nilai-nilai murni seperti saling membantu dan menghormati antara satu sama lain tanpa mengira kaum dan agama," ujarnya.

"Aktiviti ini sangat bagus dan penting kerana ia merupakan aktiviti kerja amal dan kemasyarakatan julung kali diadakan oleh kolej kediaman Sri Angkasa setakat ini yang melibatkan aktiviti luar kolej oleh Kelab Alam Sekitar," kata Syifaa'.

Sebelum mengakhiri temuramah, Syifaa' memberitahu bahawa aktiviti lebih menarik akan dijalankan pada masa akan datang.



Beberapa warga KSA bekerjasama membersihkan kawasan luar masjid Al-Hidayah.